


Newspaper	Berita Harian
Date	12 November 2015

# Kerjasama akademia, industri

» PM umum pasukan khas ditubuh tingkat kebolehpasaran graduan

Oleh Mohd Hamizar Hamid  
mizar@bh.com.my

Kuala Lumpur



Najib bergambar bersama sebahagian graduan SLIM selepas Majlis Perjumpaan Khas Bersama Perdana Menteri di Kuala Lumpur, semalam. [FOTO BERNAMA]

**D**atuk Seri Najib Razak, semalam, mengumumkan penubuhan pasukan petugas khas bagi menggalakkan kerjasama antara akademia dan industri dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Perdana Menteri berkata, pasukan itu yang akan dipengerusikan bersama oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar, dan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

"Ini adalah kejasama akademia dan pasaran, semua program mesti kita berdasar kepada dua aspek ini, iaitu perancangan universiti dan kehendak pasaran," katanya ketika berucap pada Majlis Perjumpaan Khas Bersama Perda-

na Menteri di sini, semalam.

Majlis itu disertai hampir 1,200 peserta SLIM yang lalui latihan di syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seluruh negara.

Yang turut hadir, Abdul Wahid dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot Anak Jaem.

## Berkeyakinan tinggi

Najib berkata, graduan berkeyakinan tinggi sangat diperlukan untuk bersaing dalam

bidang kejayaan.

"Hari ini Mta memerlukan individu berkeyakinan tinggi selain keperluan terhadap bahasa Inggeris untuk terus maju.

"Jika tidak mahu menjadi jaguh kampung, kita perlu mahir berbahasa Inggeris untuk bersaing dengan mereka yang terbaik dalam dunia tetapi tidak menyetepikan Bahasa Kebangsaan," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan akan menjadikan kebolehpasaran graduan

sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) sesebuah universiti bagi membolehkan penerimaan pertambahan bajet.

Beliau berkata, kerajaan juga akan menambah pengambil peserta SLIM tahun depan menjadi 15,000 orang berbanding 10,000 tahun ini.

Terdahulu, seramai 1,200 peserta mengambil bahagian pada sesi dialog bersama Ketua Pegawai Eksekutif Celcom Axiata Berhad, Datuk Seri Mohammed ShazaUi Ramly.